



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

Timbalan Presiden
KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

Naib Presiden
MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)
SALIZA BT ABDULLAH
MOHAMMAD UBADILLAH B. IMAN

Setiasaha Kehormat
KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Penolong Bendahari
DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

Ahli-ahli Jawatankuasa
DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)
MOHD YUSOFF B. M DAUD
ADNAN B. ABDULLAH
ADILA B. DATO' ABDULLAH
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN
TUDM(B)
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

Juruaudit Dalam
MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

Pengerusi Zon Selangor
DATUK SHANKER RAJ AYANGER

Pengerusi Zon Johor
DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

Pengerusi Zon Perak
ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Zon Kelantan
AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Zon Pahang
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Zon Pulau Pinang
MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

Pengerusi Zon Kedah & Perlis
DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

Pengerusi Zon Melaka
DATO' GAN PENG LAM

Pengerusi Zon Negeri Sembilan
MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

Pengerusi Zon Sabah
KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

Pengerusi Zon Sarawak
SHAHARUDDIN B. SAMSI

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2021(45)

20 SEPTEMBER 2021

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-45/2021: **PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BERHUBUNG PELAKSANAAN** **PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) DI SELURUH NEGARA**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Susulan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pada 15 September 2021, ia antara lain berkaitan perincian prosedur operasi standard (SOP) berhubung pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) di seluruh negara yang dikemaskini pada 17 September 2021.

3. Berikut adalah pecahan negeri mengikut fasa-fasa PPN:

NO	FASA	NEGERI-NEGERI
1.	PPN Fasa 1	Kedah dan Johor
2.	PPN Fasa 2	Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Melaka, Sabah, Pahang, Kelantan, Perak dan Pulau Pinang
3.	PPN Fasa 3	Perlis, Terengganu, Negeri Sembilan, dan Sarawak
4.	PPN Fasa 4	Labuan

4. Antara intipati penting yang ditetapkan melalui SOP PPN tersebut adalah seperti berikut:

4.1 **Kapasiti penuh (100%) bagi Pengawal Keselamatan untuk tujuan penugasan bagi semua fasa;**

4.2 **Kapasiti kehadiran pekerja secara fizikal di tempat kerja / pejabat syarikat keselamatan:**

4.2.1 Fasa 1: **Terhad kepada 60%** daripada jumlah bilangan kakitangan pengurusan dan sokongan pada satu masa;

4.2.2 Fasa 2: **Terhad kepada 80%** daripada jumlah bilangan kakitangan pengurusan dan sokongan pada satu masa;

4.2.3 Fasa 3: **Terhad kepada 80%** daripada jumlah bilangan kakitangan pengurusan dan sokongan pada satu masa;

4.2.4 Fasa 4: **Kehadiran 100%**

4.3 **Kapasiti kenderaan:**

4.3.1 Fasa 1: Muatan orang dalam kenderaan syarikat adalah terhad kepada **50% daripada kapasiti kenderaan;**

4.3.2 Fasa 2: Muatan orang dalam kenderaan syarikat adalah **berdasarkan kapasiti kenderaan;**

4.3.3 Fasa 3: Muatan orang dalam kenderaan syarikat adalah **bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan;**

4.3.4 Fasa 4: Muatan orang dalam kenderaan syarikat adalah **berdasarkan kapasiti kenderaan dan lesen pendaftaran kenderaan**

4.4 **Muatan orang dalam kenderaan Cash-in-Transit (CIT) bergantung kepada Jumlah Wang / Nilai Barang.** Peraturan Tetap Operasi (PTO) No. 2 Tahun 2010 dalam Pekeliling Agensi Persendirian Bil 4 Tahun 2010 menetapkan nilai RM500,000 dan ke bawah (1 pegawai, 1 pemandu dan 1 pengawal bersenjata. Bagi wang atau barangan bernilai RM500,000 ke atas (1 pegawai, 1 pemandu dan 2 pengawal bersenjata);

4.5 Surat kelulusan beroperasi melalui sistem **CIMS MITI yang mempunyai QR Code "PPN" (Pelan Pemulihan Negara), surat Kementerian Dalam Negeri (KDN) bertarikh 30 Julai 2021** (rujuk Surat Edaran PIKM ke-37/2021) berserta surat


majikan masih digunakan bagi pergerakan rentas daerah / negeri untuk tujuan penugasan.

5. Bersama ini dilampirkan **SOP PPN Fasa 1, 2, 3 dan 4** terkini oleh **Majlis Keselamatan Negara (MKN)**, yang turut terpakai bagi Industri Keselamatan Swasta.
6. Ahli juga disarankan untuk peka dengan perubahan SOP dari masa ke semasa dengan merujuk laman web rasmi MKN di pautan <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-perintah-kawalan-pergerakan/>.

Untuk perhatian dan maklumat lanjut ahli-ahli PIKM.

Sekian terima kasih.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, consisting of a vertical line that curves into a horizontal stroke with a loop at the end.

**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF
PRESIDEN**